

Muzium mempamerkan rangka hidupan laut dan koleksi batu karang yang mempunyai taburan terhad di Malaysia.

Akuarium, Muzium Marin UMS tarikan pelancongan

BH 24.11.2016 U3

Oleh Kattinny Bantan
bhvarsiti@bh.com.my

Kota Kinabalu

Kira-kira 5,000 pelawat dari dalam dan luar negara mengunjungi Akuarium dan Muzium Marin, Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang bertaraf antarabangsa dengan pelbagai spesies ikan serta khazanah laut, setiap tahun.

Akuarium itu menggunakan konsep seperti Underwater World Langkawi dan

Aquaria Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), manakala muzium pula antara lain menempatkan rangka ikan lumba-lumba, paus, penyu dan pari yang diawet serta koleksi batu karang yang mempunyai taburan terhad di Malaysia.

Dibuka sejak Mac 2005 di Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB), UMS Kampus Kota Kinabalu, akuarium itu kini menempatkan lebih 100 spesies hidupan marin pesisir pantai dan laut dalam.

Penasihat Akuarium

dan Muzium Marin UMS, Muhammad Ali Syed Hussein, berkata akuarium itu mempunyai enam tangki yang menempatkan koleksi ikan hiasan, batu karang, pari, penyu, belangkas, ikan kacukan dan udang.

Boleh disentuh


“Selain itu, ada sebuah tangki menempatkan hidupan marin yang boleh disentuh oleh pengunjung.

“Kualiti air masin di dalam tangki akuarium ini dikekalkan melalui penggunaan air laut

masin asli,” katanya.

Sementara itu Kurator Akuarium dan Muzium Marin UMS, Flora Anne Asalin, berkata pada awalnya, akuarium serta muzium berkenaan dijadikan pusat penyelidikan dan kemudahan mengajar dalam bidang sains marin.

Beliau berkata, tempat yang memiliki tarikan tersendiri itu kemudian dibuka kepada orang ramai dan mendapat sambutan memberangsangkan, termasuk kunjungan pelancong dari China serta Korea Selatan.



Antara khazanah laut yang dipamerkan.



Antara tarikan utama pengunjung di Akuarium dan Muzium Marin UMS.



Muhammad Ali



Flora Anne Asalin

“Ini sekali gus mendorong kami menjadikan Akuarium dan Muzium Marin UMS sebagai antara destinasi pelancongan bukan sahaja di universiti tetapi juga Sabah,” katanya.

Tarikan utama

Flora Anne berkata, satu daripada tarikan utama akuarium itu ialah ikan kerapu hibrid pertama di dunia dinamakan Hibrid TGG yang dihasilkan di IPMB, iaitu kacukan kerapu harimau (*Epinephelus fuscoguttatus*)

dengan kerapu gergasi (*Epinephelus lanceolatus*), selain spesies keratung serta kerapu gergasi seberat 80 kilogram.

“Muzium pula antara lain mempamerkan rangka ikan paus paruh Curvier bersaiz 6.1 meter panjang yang mati terdampar 19 tahun lalu, selain ikan lumba-lumba diawet dan koleksi spesies terhad batu karang ditemui di Teluk Darvel, Lahad Datu, ketika Ekspedisi Galaxea 1998,” katanya.